



KESENIAN WARISAN ISLAM DAN BUDAYA PAHANG

NORAZLINDA BT MOHAMED ROSDI *

norazlinda@umk.edu.my

Abstrak

Penulisan ini akan membincangkan bagaimana ciri-ciri keislaman harus dianalisis dalam konteks budaya Pahang. Penjelasan mengenai isu ini dilihat pada tiga sub-tema utama iaitu manifestasi ciri-ciri keislaman itu sendiri, latar belakang budaya Pahang dan unsur-unsur yang membentuk jati diri orang Melayu amnya dan Melayu Pahang khususnya. Tiga sub-tema ini penting untuk dibincangkan kerana ia dapat memberi gambaran tentang latar belakang kesenian warisan Pahang yang bercirikan keislaman dan bagaimana ia harus dianalisis dengan sewajarnya.

Kata Kunci: Kesenian, Islam, Budaya, Pahang

* Pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.





Abstract

This study describes about how to analyze the Islamic characteristics in the context of Pahang culture. The explanation of this issue is viewed on three sub-themes, namely the manifestation of the characteristics of Islam itself, Pahang cultural backgrounds and elements that clarify the identity of the Malays in general and in particular Pahang Malay. These three sub-themes are important to be discussed because it can give an idea of the background of the arts and heritage of Pahang that are characterized Islamic and how it should be analyzed.

Keywords: Arts, Islam, Culture, Pahang

* Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan.





1.0 Pengenalan

Kesenian warisan Pahang merupakan sebahagian daripada khazanah bangsa Melayu yang berakar umbi dari peradaban tua masyarakat watan dan berkembang dalam acuan sosiobudaya Alam Melayu berteraskan Islam iaitu unsur paling fundamental dalam jati diri orang Melayu. Ketuaan Pahang dalam sejarah itu dapat dilihat pada penyebutan nama ‘Pahang’ dalam pelbagai catatan sejarah purba termasuklah catatan China, Jawa Majapahit, Arab dan Barat. Sebagai contoh, dalam sumber China abad ke-13, terdapat catatan tentang Peng heng, Pang jeng, Panghang, Pon fong, Pam, Pan, Phang, Paam Pao, Paon, Phaan, Paham, Fanham, Phaung dan juga Pahang (Gopimath, 1991: 1). Dalam sumber Jawa Majapahit iaitu *Nāgara-Kērtāgama* (1365), dicatatkan juga bahawa Pahang merupakan sebuah kerajaan utama di Semenanjung Tanah Melayu.

Catatan-catatan ini menunjukkan peradaban masyarakat watan Pahang sudah wujud sebelum Kerajaan Melayu Melaka lagi (sebelum 1400 Masihi). Dalam sumber-sumber watan seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Pahang* dan *Hikayat Hang Tuah*, Pahang disebut sebagai Inderapura atau Pahang Inderapura. Satu lagi fakta penting mengenai Pahang ialah negeri ini mempunyai tempat dalam wacana sejarah pengislaman di Alam Melayu. Ini kerana di negeri ini telah dijumpai kesan-kesan kedatangan awal Islam ke Alam Melayu. Kesan-kesan tersebut dapat dilihat kepada penemuan batu nesan yang dijumpai di Pulau Tambun, Pekan, Pahang. Pada batu nesan tersebut tercatat tarikh 419 Hijrah, bersamaan 960 Masehi dan batu nesan ini menceritakan tentang kematian seorang wanita sebagai empunya makam tersebut. Sekiranya pentarikhannya tersebut adalah benar, maka ini merupakan bukti yang menunjukkan Islam sudah tiba di Pahang lebih awal daripada tempat-tempat lain di Alam Melayu (Mokhtar Shafii, 1980).

Walau bagaimanapun, proses pengislaman Pahang secara menyeluruh dalam segenap lapisan masyarakat mula berlaku pada abad ke-15. Proses tersebut dilakukan oleh raja-raja Melayu Melaka iaitu Sultan Mansur Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah (Pires, 1512: 245-246). Implikasi daripada pengislaman tersebut telah menyebabkan teras budaya Pahang berkembang dalam acuan keislaman. Pelbagai catatan ini menunjukkan keabsahan kedaulatan dan ketuanan Melayu Pahang yang telah mempunyai peradaban tersendiri iaitu selewat-lewatnya sebelum abad ke-13 Masihi lagi. Catatan-catatan ini merupakan petunjuk budaya Pahang berakar umbi dari peradaban tua masyarakat watan yang berkembang mengikut acuan Islam iaitu unsur paling fundamental dalam jati diri orang Melayu Islam.






2.0 Metodologi Penyelidikan

Rekabentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sahaja iaitu melibatkan kajian perpustakaan, kaedah tinjauan dan juga kaedah temubual. Kajian ini dimulakan dengan mengenalpasti permasalahan kajian terlebih dahulu kerana ia berkait rapat dengan objektif kajian. Seterusnya, kajian lepas dilakukan bagi mengenalpasti apakah kekurangan yang ada dalam kajian terdahulu. Kajian lepas ini meliputi data-data sekunder yang diperoleh melalui kajian perpustakaan. Selepas proses ini dilalui, barulah kajian lapangan dilakukan bagi memperoleh data.

Penemuan maklumat yang digunakan dalam kajian ini adalah diperoleh melalui kajian lapangan di tempat-tempat yang masih menjalankan kegiatan kesenian warisan di Negeri Pahang. Kajian lapangan dijalankan dengan cara tinjauan lapangan yang mana pengkaji telah meneliti beberapa aspek kajian seperti dari segi motif dan corak yang ada kaitan dengan ciri keislaman, cara pembuatannya serta bahan yang digunakan.. Penjelasan ini dapat ditunjukkan melalui carta alir berikut:



Rajah 1: Carta Alir Kajian





Bahan-bahan kajian ini menggunakan data-data sekunder yang diperoleh berdasarkan kepada hasil kajian di perpustakaan dan juga muzium. Bahan-bahan yang dirujuk meliputi buku-buku akademik, jurnal, tesis, kertas kerja, brosur, edaran dan majalah yang berkaitan. Kajian ini juga menggunakan laman web rasmi berkaitan bagi menambah sumber atau rujukan tambahan. Kaedah kajian lain yang turut digunakan ialah kaedah temubual. Tujuan temubual dilakukan adalah untuk mendapatkan maklum balas yang sah dan merekod dengan jitu dan sempurna (Azizi Yahaya et al, 2007: 173). Denzin (2001:72) pula berpendapat temubual perlu berfungsi lebih daripada sebagai alat pengumpulan maklumat iaitu bersifat reflektif dan secara tidak langsung dapat mencerminkan keadaan sebenar ketika di lapangan.

Responden-responden dalam kajian ini ditemubual berdasarkan kepada protokol temubual separa berstruktur. Menurut Merriam (1998), temubual separa berstruktur ini dipilih kerana pengkaji ingin mendapatkan lebih banyak maklumat dan lebih fleksibel. Ini bererti jawapan yang diperoleh daripada responden adalah bersifat terbuka dan boleh dikembangkan mengikut budi bicara pengkaji dan responden itu sendiri. Pengkaji akan menemubual beberapa individu yang arif dalam bidang kesenian warisan khususnya dalam kesenian warisan Islam. Mereka ini terdiri daripada beberapa orang masyarakat daripada komuniti tempatan yang sememangnya mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang kesenian yang telah dipilih oleh pengkaji. Temubual ini dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan pendapat mereka mengenai kesenian warisan dan ciri keislaman yang ada dalam kesenian tersebut. Temubual ini lebih bersifat mendapatkan pendapat pakar atau *opinion leader*. Pengkaji juga dapat menambahkan lagi sumber maklumat daripada pendapat pakar-pakar ini khususnya mengenai ciri keislaman yang ada dalam kesenian warisan Pahang amnya.

Bagi menjalankan kaedah kajian temubual, pengkaji turut menggunakan beberapa alatan bagi membantu kelancaran penyelidikan. Alatan yang digunakan ialah perakam suara bagi merakam perbualan dan kamera untuk memperoleh gambar serta maklumat tambahan yang memerlukan rekod simpanan seperti gambar informa (responden) dan lokasi temubual. Selain itu, perakam suara ini menjadi alat yang penting bagi pengkaji dalam menganalisa pendapat informan. Pengkaji juga mencatatkan beberapa kata kunci dalam buku catatan semasa menemubual bagi tujuan rujukan dalam proses menganalisis data temubual ini.

Selepas kajian perpustakaan, tinjauan lapangan dan kaedah temubual dilakukan, barulah kaedah analisis data dilakukan. Data yang telah dikumpul melalui pelbagai kaedah dan teknik ini perlu diuruskan dengan baik bagi membentuk satu kerangka analisis dan interpretasi yang sesuai. Proses analisis data adalah penting dalam proses kajian tindakan kerana ia melibatkan satu prosedur yang sistematis dan berterusan bagi menyediakan asas untuk memberi makna kepada data tersebut (Merriam, 2001: 55).





Oleh itu, proses analisis data merupakan satu proses meringkas, merumus dan mempersempitkan data yang telah dikumpul dalam cara yang tepat dan boleh dipercayai. Ini diikuti dengan proses menginterpretasi yang melibatkan cubaan mencari makna dan implikasi daripada data yang telah dianalisis (Meriam, 2001: 55). Dalam kajian ini, data yang dikumpul menggunakan pendekatan kualitatif yang mana ianya melibatkan tema-tema yang telah ditentukan oleh pengkaji.

Dalam konteks data kualitatif, proses analisis data pada asasnya adalah merupakan proses yang berterusan dan *non-linear*. Ia merupakan prosedur analitik yang melibatkan pemeriksaan makna ke atas kata-kata dan tindakan manusia. Analisis data merupakan proses yang kompleks yang melibatkan pertimbangan antara data yang konkret dengan konsep abstrak, antara penaakulan induktif dan deduktif serta antara deskripsi dan interpretasi (Meriam, 2001: 55). Setelah data dianalisis dan dipersempit dalam bentuk-bentuk yang sesuai, data-data tersebut perlu diinterpret bagi menjelaskan makna serta menunjukkan implikasi dan kesannya (Meriam, 2001: 58).

Secara amalinya, maklumat-maklumat yang diberikan oleh para informan dan penggiat kesenian warisan adalah tidak teratur. Untuk mengatasi masalah ini, pengkaji membahagikan fakta-fakta dalam setiap genre (jenis) kesenian warisan itu mengikut tema-tema tertentu. Setelah melakukan analisis secara struktural, tema-tema tersebut telah disusun secara teratur. Kemudian, setiap satu tema itu dihuraikan satu persatu sehingga ianya memberi keterangan yang jelas. Daripada susunan tema-tema tersebutlah maka terhasilnya penulisan seperti ini.

3.0 Rangka Teoritikal Sebagai Alat Analisis Ciri Keislaman

Diskusi tentang kesenian warisan adalah senuansa dengan diskusi kesenian. Sebagaimana akan dijelaskan dalam penulisan ini, apa yang perlu ditekankan ialah bahawa dalam Islam tidak ada ‘kesenian agama’ (*religious arts*) sebagaimana dalam agama-agama lain. Ini merupakan antara pokok ajaran Islam. Islam adalah agama wahyu yang diturunkan secara langsung melalui malaikat-Nya kepada Nabi Muhammad S.A.W dan amalan ibadat dalam Islam tidak memerlukan kesenian. Malah, kesenian berada pada kedudukan paling bawah dalam hierarki keutamaan Islam.

Lantaran itu, diskusi tentang kesenian adalah bersifat *khilafiah* iaitu terdapat pelbagai pandangan yang berbeza mengenai sesuatu perkara (KH. Ahmad Warson Munawwir, 1984: 363). Adakah, perbezaan pandangan itu berlaku dalam bentuk perdebatan dan perselisihan malah ada dalam bentuk bertentangan. Pelbagai pandangan dalam *khilafiah* adalah mengenai kedudukan sesuatu perkara itu dari segi hukum dalam Islam. Oleh sebab ia berkait dengan hukum, maka, pelbagai pendapat dalam *khilafiah* adalah didasarkan kepada nas-nas dalam al-Qur'an, al-Hadis dan kitab-kitab agama.





Walau bagaimanapun, kajian ini berpendirian, oleh kerana ia bersifat khilafiah, maka analisis tentang perkara yang menjadi maudud kajian ini iaitu ciri-ciri keislaman pada kesenian warisan Pahang lebih sesuai dilakukan dengan menggunakan ‘rangka teoritikal’ (theoretical framework) tertentu. Penjelasan paling mudah dan agak tepat mengenai definisi ‘rangka teoritikal’ adalah sepertimana yang diberikan oleh Brink & Wood (1994):

A theoretical framework is simply an explanation, based on the available literature, of how and why different concepts are expected to relate to each other.
(Brink & Wood, 1994: 12)

Kenyataan ini bermaksud, rangka teoritikal adalah model, asas, perspektif (atau pendekatan), sudut pandangan, landasan (atau premis) atau konsep tertentu yang digunakan untuk menjelaskan ‘bagaimana’ dan ‘kenapa’. Kajian ini mendapat terdapat sekurang-kurangnya sembilan (9) rangka konseptual yang boleh diaplikasikan untuk menukarkan ciri-ciri keislaman pada aspek-aspek kesenian warisan Pahang khususnya dan Melayu amnya iaitu:

i) Rangka teoritikal Berasaskan Pengertian ‘Islam’ itu sendiri

Ciri-ciri keislaman pada kesenian warisan dapat dinukilkkan dan dianalisis dengan berdasarkan pengertian ‘Islam’ itu sendiri. Sepertimana yang dinyatakan dalam al-Qur'an, Islam bermaksud: ‘Kedamaian’ (surah 49: 10), ‘Melapangkan dada’ (surah 6: 125), ‘Jalan yang lurus’ (surah 10: 25; 72: 16), ‘Agama yang lurus’ (surah 30: 43), ‘Mendapat cahaya dari Allah S.W.T’ (surah 39: 22) dan ‘Menyerah’ (surah 48: 16).

Kenyataan ini menunjukkan pengertian ‘Islam’ itu sendiri membawa ‘kesan estetik’ atau ‘kesan keindahan mendalam’. Sehubungan itu, aspek-aspek kesenian warisan yang mempunyai ciri-ciri ini dapat dianggap mempunyai ciri-ciri keislaman.

ii) Rangka Teoritikal Sejarah

Ciri-ciri keislaman pada kesenian warisan dapat dinukilkkan dan dianalisis dari sudut sejarah. Rangka teoritikal mengenainya dapat diasaskan kepada perkembangan kesenian dalam tamadun ulung Islam iaitu pada zaman Nabi Muhammad S.A.W dan seterusnya pada zaman-zaman Umayyah, Abbasiyah, Fatimiyyah, Uthmaniyyah dan sebagainya.





Dari segi sejarah, pada zaman Nabi Muhammad S.A.W, umat Islam kurang mempedulikan akan kesenian. Sebagai contoh, Masjid Nabawi di Madinah hanya terbina dari empat batang tiang yang berasaskan pohon tamar. Walaubagaimanapun, setelah daulah Islam berkembang ke pelbagai wilayah dan tamadun umat Islam mencapai kemuncak pada zaman Umayyah, Abbasiyah, Fatimiyyah, Uthmaniyyah (di dunia Arab dan Sepanyol), Delhi dan sebagainya, umat Islam mula memberi perhatian terhadap kesenian. Pada zaman tamadun-tamadun umat Islam itulah dibina masjid-masjid yang penuh kesenian dan kehalusan seperti Masjid Cordova, Masjid Agung Umayyah, Masjid al-Mansur, Masjid Beyazit dan sebagainya.

Jelaslah di sini bahawa kesenian bercirikan keislaman berkembang seiring dengan perkembangan daulah dan tahap ketamadunan umat Islam ke kawasan Timur, Barat, Utara dan Selatan. Perkembangan tersebut kemudian telah membawa berlakunya interaksi dengan pelbagai peradaban dan budaya masyarakat tempatan di seluruh dunia. Ekoran daripada itu, kesenian dalam kalangan umat Islam adalah terdiri daripada pelbagai bentuk, bahan dan gaya yang berbeza mengikut kawasan dan masa.

Kesenian warisan Melayu juga dapat dianalisis dengan menggunakan pendekatan sejarah. Pada zaman sebelum menganut agama Islam, nenek moyang orang Melayu tidak membina masjid kerana mereka masih dalam keadaan animisme. Pada peringkat awal pengislaman mereka, ciri-ciri masjid yang dibina hanyalah pada tahap sederhana. Namun, kerajaan dan ketamadunan Melayu telah mula berkembang maju dan ciri-ciri pembinaan mula mempunyai nilai kesenian.

iii) Rangka Teoritikal Untuk Mendekatkan diri dengan Allah S.W.T

Ciri-ciri keislaman pada kesenian warisan dapat dinukilkan dan dianalisis dengan cara menilai adakah sesuatu karya itu dapat mendekatkan diri manusia kepada Allah S.W.T ataupun sebaliknya. Menurut Seyyed Hossein Nasr, kesenian bercirikan Islam yang paling ideal adalah pembacaan al-Qur'an dan berzikir. Beliau menyatakan:

Among all the arts of Islam, the chanting of the Qur'an is the most important and central. It is the supreme sacred art of Islam. The art of chanting of the Noble Qur'an is of course combined in many contexts with the art of writing the Divine Word and also with the recitation of the stories and tales which are found in many chapters of the Scared texts.

(Seyyed Hossein Nasr, 1994: 4)





Kenyataan Seyyed Hossein Nasr ini bermaksud kesenian bercirikan Islam yang paling ideal adalah bacaan al-Qur'an dan berzikir kerana ianya mampu mendekatkan manusia dengan Allah S.W.T. Perlu diperhatikan bahawa kenyataan Seyyed Hossein Nasr ini tidaklah bermaksud kesenian Islam itu dihasilkan dengan 'memindahkan' keterangan-keterangan dalam kitab suci iaitu al-Qur'an dan al-Hadis ke dalam karya kesenian, sebaliknya, apa yang tersurat dan tersirat dalam kenyataan beliau ini ialah pembacaan al-Qur'an dan berzikir dengan suara yang baik dan tepat sebutannya akan mendekatkan diri manusia yang membaca dan mendengarnya bersama Allah S.W.T.

Selain daripada membaca al-Qur'an dan berzikir, karya yang boleh mendekatkan manusia dengan Allah S.W.T ialah tulisan dan ukiran kaligrafi ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadis. Ini kerana ia dapat mengingatkan manusia akan isi wahyu (al-Qur'an dan al-Hadis) secara langsung dan juga memperoleh 'barakah'. Ini menjadikan kaligrafi itu sebagai seni tampak yang paling mulia dalam kesenian bercirikan Islam.

iv) Rangka teoritikal berdasarkan konsep memenuhi keperluan fitrah

Ciri-ciri keislaman pada kesenian warisan dapat dinukilkhan dan dianalisis dengan melihat kepada kedudukannya yang memenuhi keperluan fitrah manusia. Ini kerana Islam itu sendiri adalah agama yang memenuhi keperluan fitrah dan naluri manusia sebagai makhluk yang sukakan akan kegembiraan, bersenang-senang, bergelak ketawa dan bermain-main. Hal ini telah dinyatakan di dalam ayat al-Qur'an iaitu:

Katakanlah! Siapakah yang mengharamkan perhiasan (keindahan seni) kurniaan Allah S.W.T kepada hamba-hamba-Nya dan menikmati rezeki-rezeki-Nya yang baik.

(Surah al-A'raf, 7: 32)

Kesenian juga sebahagian daripada keperluan fitrah manusia kerana antara elemen-elemen yang penting dalam kehidupan manusia ialah dorongan untuk memperoleh sesuatu yang bersifat indah, cantik, kudus, suci, gembira, harmonis, lembut, sejuk, sistematik, merangsang, nyaman, lapang, dalam serta penuh kejiwaan. Ini jelas dinyatakan dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud:





Carilah akhirat daripada rezeki yang dikurniakan kepada kamu, namun dalam masa yang sama janganlah kamu lupakan habuan kamu dalam dunia. Selain itu, janganlah pula kamu melakukan kerosakan di atas muka bumi ini. Sesungguhnya Allah S.W.T itu tidak suka kepada orang yang melakukan kerosakan.

(Surah al-Qasas: 77)

Menurut Yusuf al-Qardhawi (1993), sebagaimana manusia itu dicipta untuk menyukai makan dan minum, samalah juga dengan Islam yang mana ajaran ini tidak memperlakukan manusia itu seperti malaikat. Oleh itu, Islam tidak mengharuskan manusia agar menjadikan percakapan mereka itu sebagai zikir, berdiam itu tanda berfikir, seluruh pendengaran mereka hanyalah untuk al-Qur'an serta semua langkah mereka harus ke masjid. Selain daripada diharuskan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti riadah dan permainan, Islam juga mengharuskan kewujudan nilai-nilai estetik dan apresiasi manusia terhadap ciptaan seni kerana kedua-duanya merupakan makanan bagi intelektual dan jiwa manusia.

Kesenian bercirikan Islam juga harus memenuhi keperluan untuk mengelakkan daripada kesejukan dan kepanasan serta ancaman daripada makhluk-makhluk perosak. Malah, senjata juga tergolong sebagai seni warisan bercirikan keislaman kerana ia diperlukan untuk menghadapi musuh dan ancaman luar.

v) Rangka teoritikal berdasarkan konsep ‘Amar Ma’ruf Nahi Mungkar’

Ciri-ciri keislaman pada seni warisan dapat dinukilkam dan dianalisis dengan berdasarkan prinsip ‘Amar Ma’ruf Nahi Mungkar’. Kenyataan ini bermaksud Islam memberi kelonggaran kepada manusia untuk mencipta, berbicara dan menghayati seni asalkan tidak bercanggah dengan hukum Islam dan ia harus membawa kebaikan serta kemanfaatan kepada umat Islam dan manusia sejagat.





vi) Rangka teoritikal berdasarkan halal-haram fiqh

Ciri-ciri keislaman pada kesenian warisan dapat dinukilkhan dan dianalisis dengan berdasarkan prinsip halal dan haram dalam Islam. Aspek-aspek kesenian warisan yang mempunyai unsur-unsur yang dihalalkan atau tidak mempunyai unsur-unsur yang diharamkan oleh Islam dapatlah dianggap sebagai kesenian yang bercirikan keislaman. Antara ciri-ciri kesenian warisan yang berteraskan keislaman ialah tidak ada unsur pemujaan yang membawa syirik, khurafat dan bidaah, tidak ada penzahiran dewa-dewi dan imej makhluk hidup, berpakaian menutup aurat serta mematuhi etika pakaian Islam seperti tidak menjolok mata dan tidak berlaku pergaulan bebas dengan orang yang bukan mahram.

vii) Rangka Teoritikal berdasarkan konsep memuliakan bahan

Ciri-ciri keislaman pada kesenian warisan dapat dinukilkhan dan dianalisis dengan berdasarkan konsep ‘memuliakan bahan-bahan alam’. Dalam al-Qur'an, konsep ini disebut sebagai Fann (surah Az Zukhruf: ayat 81). Dalam surah al-A'Raaf (ayat 157), ia disebut sebagai Wazzaruuh. Dalam surah al Hajj (ayat 18) pula, ia disebut sebagai Mukrim.

Pada asasnya, konsep ‘memuliakan bahan-bahan alam’ adalah merujuk kepada usaha mengubah bahan-bahan yang sebelumnya dalam keadaan kusam atau tidak dipedulikan menjadi karya seni yang mempunyai harga atau nilai yang tinggi. Sebagai contoh batu, kayu atau bahan-bahan lain yang pada mulanya tidak mempunyai nilai tetapi kemudianya telah ‘dimuliakan’ oleh pencipta atau pengkarya yang berbakat dengan cara mengukir dan menggilapkannya menjadi cincin atau arca yang indah.

Dalam konteks Negeri Pahang, konsep memuliakan bahan sangat ketara dalam kesenianya seperti seni bina dan ukiran serta anyaman. Pada asasnya, bahan-bahan dalam pencapaian seni bina dan ukiran serta anyaman tradisional itu adalah bahan-bahan biasa yang terdapat di sekeliling kehidupan masyarakat. Walaubagaimanapun, apabila ianya dibentuk dan dianyam, maka bahan-bahan tersebut menjadi karya kesenian warisan yang menarik.

viii) Rangka Teoritikal berdasarkan kenyataan al-hadis ‘Sesungguhnya Allah itu Maha Indah dan Dia sukakan keindahan’

Ciri-ciri keislaman pada kesenian warisan dapat dinukilkhan dan dianalisis dengan berdasarkan kepada sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Muslim (no. 91), Ibn Majah (no. 4174) dan Ibn Hanbal dalam Kitabul-Iman yang berbunyi: ‘sesungguhnya Allah itu Maha Indah dan Dia sukakan keindahan’.





Berdasarkan konsep ini, kesenian warisan yang mempunyai ciri-ciri keislaman adalah yang indah atau mempunyai nilai serta kesan estetika. Ini kerana ciri-ciri ini merupakan anugerah Allah S.W.T kepada makhluk-makhluk-Nya. Kenyataan ini didasarkan kepada ayat al-Qur'an yang berbunyi:

*Hai anak-anak Adam! Pakailah perhiasanmu setiap kali hendak ke masjid...
Katakan! Siapa yang melarang (memakai) perhiasan Allah S.W.T dan
(memakan) rezeki yang baik yang diadakan-Nya untuk hamba-hamba-Nya.*

(Surah al-A'raf, 31-33)

Sidi Gazalba (1977) menafsirkan 'perhiasan' sebagai hasil karya kesenian bercirikan Islam kerana kedudukannya yang sejajar dengan rezeki yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada hamba-hamba-Nya. Tentulah perkara-perkara yang indah itu tidak bertentangan dengan ajaran Islam serta tidak membawa mudarat kepada Islam dan manusia sejagat.

Perkataan 'indah' itu termasuklah bersih, tenang, harmoni dan nyaman sebaliknya, perkara-perkara yang kotor, busuk dan jijik tidak dianggap sebagai kesenian warisan watan yang bercirikan keislaman walaupun mempunyai kesan estetik. Indah juga dapat mendorong suasana peribadatan yang lebih selesa. Misalnya, sejадah untuk solat dan juga pakaian serta mimbar untuk Khutbah Jumaat mempunyai ukiran. Selain bertujuan untuk memenuhi keperluan ibadat, ianya juga dapat menimbulkan suasana yang selesa dan menyenangkan.

ix) Rangka Teoritikal berdasarkan Model-Model Kesenian dalam Peradaban Islam

Ciri-ciri keislaman pada kesenian warisan dapat dinukilkan dan dianalisis dengan berdasarkan model-model kesenian yang terdapat di dalam peradaban Islam sejagat sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W, zaman Khalifah al-Rasyidin, zaman Umayyah, zaman Abbasiyah, zaman Uthmaniyyah, zaman Fatimiyyah dan sebagainya. Model-model kesenian bercirikan Islam itu boleh juga dirujuk kepada kesenian bercirikan Islam yang terdapat di Mesir, Turki, Morocco, India, Pakistan, China dan negara-negara Islam lama yang lain.





Seperti yang sering didiskusikan oleh beberapa orang tokoh ilmuan kesenian bercirikan Islam, peradaban-peradaban tersebut merupakan model-model pengalaman umat Islam yang telah bertembung dengan pelbagai budaya, amalan, ciptaan dan warisan pelbagai tamadun tetapi telah diubahsuai mengikut acuan keislaman. Ini dijadikan sebagai asas untuk menganalisis kesenian warisan Pahang.

4.0 Manifestasi Ciri-Ciri Keislaman

Secara keseluruhannya, tajuk penulisan ini iaitu Kesenian Warisan Islam dan Budaya Pahang adalah bermaksud kajian ini mengkaji ciri-ciri keislaman pada kesenian warisan Pahang yang berdasarkan kepada realiti penghayatan dan amalan Islam dalam konteks budaya masyarakat di negeri ini sendiri dan bukannya diasaskan kepada penghayatan serta amalan Islam dalam kalangan masyarakat lain seperti masyarakat Islam di Semenanjung Arab, Damsyik, Cordova (Sepanyol), Baghdad, Kaherah, China, Afrika dan Khorasan. Manifestasi ciri-ciri keislaman pada kesenian warisan Pahang adalah berbeza dengan ciri-ciri keislaman yang ada pada kesenian warisan masyarakat lain. Ekoran daripada itu, manifestasi ciri-ciri keislaman bukanlah bersifat tunggal atau satu jenis tetapi sebaliknya, ia terdiri daripada pelbagai jenis. Contoh paling mudah ialah walaupun sama beragama Islam, namun kesenian warisan Melayu berbeza daripada kesenian warisan Arab. Kenyataan ini memberi erti bahawa manifestasi ciri-ciri keislaman adalah bersifat kontekstual iaitu mengikut keadaan sesebuah masyarakat kerana ianya berbeza dengan masyarakat yang lain.

Di dalam hierarki keutamaan Islam, kesenian berada di bawah Muamalah. Muamalah adalah ‘ibadat umum’ iaitu usaha-usaha yang dijalankan dalam pelbagai bidang kehidupan meliputi budaya, politik, ekonomi, undang-undang, sosial, kekeluargaan, kebudayaan, kesenian, warisan, sastera, persuratan, sains, teknologi dan sebagainya dengan niat kerana Allah S.W.T, menggunakan kaedah atau panduan yang diharuskan oleh Islam serta dapat memberi manfaat kepada umat Islam dan juga manusia sejagat. Usaha dalam pelbagai bidang kehidupan ini adalah tergolong sebagai ‘ibadat’ tetapi ianya dalam bentuk ‘ibadat umum’. Dalam bahasa biasa, Muamalah disebut juga sebagai Fardhu Kifayah iaitu amalan-amalan yang harus dilakukan di dalam kehidupan untuk kepentingan masyarakat, negara dan komuniti global atau umat Islam serta manusia sejagat.

Namun, oleh kerana ia berada di bawah Muamalah, maka kesenian warisan sesebuah masyarakat dibolehkan oleh ajaran Islam untuk melakukan penafsiran mengikut keadaan dan masa. Itulah sebabnya manifestasi ciri-ciri keislaman dalam kesenian warisan Pahang mungkin berbeza dengan ciri-ciri keislaman yang ada dalam kesenian warisan masyarakat yang lain.





Setelah memahami kedudukan ini, maka tidak harus timbul lagi persoalan Islam harus menurut masyarakat atau sebaliknya. Dalam pada itu, tidak wujud perbezaan secara mutlak antara ciri-ciri keislaman pada sesebuah masyarakat kerana masyarakat hanya berkongsi ‘prinsip teras’ yang sama iaitu berasaskan kepada ‘Amar Ma’ruf Nahi Mungkar’ yang mana prinsip ini memberi kelonggaran kepada manusia untuk melakukan apa sahaja asalkan tidak bercanggah dengan hukum Islam dan ia haruslah membawa kebaikan dan manfaat kepada umat Islam dan manusia sejagat. Prinsip ini kemudiannya telah menjadi ‘ibadat umum’ apabila dilakukan dengan niat kerana Allah S.W.T dan menggunakan kaedah atau panduan yang diharuskan oleh Islam.

5.0 Demografi Negeri Pahang

Pahang merupakan salah sebuah negeri Melayu di Semenanjung yang terletak di bahagian timur Semenanjung Tanah Melayu. Pada masa lalu, Negeri Pahang berpusat di ‘Kuala Pahang’ atau ‘Pekan’. Catatan dalam pelbagai sumber mengsinonimkan Pahang dengan Pekan. Misalnya, apabila Hikayat Pahang, Sejarah Melayu, Sejarah Johor dan Tuhfat al-Nafis menyebut ‘Pahang’, ia sebenarnya merujuk kepada ‘Pekan.’ Pada hari ini, ibu Negeri Pahang adalah Kuantan. Negeri ini terdiri daripada sebelas daerah iaitu Kuantan, Pekan, Bera, Lipis, Temerloh, Rompin, Jerantut, Bentong, Raub, Cameron Highlands dan Maran. Jarak geografi antara bandar-bandar dalam sesebuah daerah itu agak jauh seolah-olah tidak mempunyai hubungan di antara satu sama lain.

Namun begitu, Negeri Pahang mempunyai banyak sungai besar. Antaranya ialah Sungai Pahang, Sungai Endau, Sungai Bebar, Sungai Jelai, Sungai Kuantan, Sungai Tembeling, Sungai Rompin dan juga Sungai Semantan. Selain itu juga, terdapat banyak cawangan sungai kecil yang turut digunakan sebagai laluan jalan perhubungan. Sungai-sungai ini merupakan jalan perhubungan Negeri Pahang dengan negeri lain termasuklah jalan yang menghubungkan Negeri Pahang dengan daerah di Hulu Muar dan juga Melaka. Terdapat laluan yang sangat terkenal dalam sejarah iaitu Penarikan yang berhubung dengan Sungai Serting. Kawasan Penarikan merupakan jalan darat perahu yang diangkat sehingga ke daerah Jempol dan seterusnya berhubung dengan Sungai Muar. Dari Muar, orang dahulu dapat pergi ke Melaka melalui jalan laut. Perjalanan tersebut memakan masa kira-kira enam hari. Selain itu, jalan tersebut pernah menjadi laluan Sultan Mahmud Shah (Melaka) dan Raja Ahmad iaitu putera baginda setelah mereka dikalahkan oleh Portugis di Pagoh dan Bentayan (Kuala Muar) pada akhir tahun 1511.

Jalan air tersebut juga menjadi laluan bagi pelbagai pihak yang datang ke Negeri Pahang terutamanya ketika Perang Saudara Pahang (1857-1863). Ini termasuklah jalan yang telah dilalui oleh Sultan Ali (putera Sultan Hussain Shah iaitu Raja Singapura) dari Kampung Umbai, Melaka untuk pergi menemui Bendahara Wan Ahmad di Pahang (Pekan) pada tahun 1863 (Sejarah Johor).





Pahang turut mengalami modenisasi seiring dengan pendudukan British pada bahagian kedua abad ke-19. Inggeris telah meluaskan kuasanya ke Pahang pada tahun 1888 dan Residen pertamanya iaitu J.P.Rodger telah dilantik dalam bulan Oktober 1888. Perkara utama yang diberikan perhatian oleh Inggeris ketika itu ialah menentukan tempat letaknya pusat pentadbiran Pahang. Tiga tahun kemudian iaitu dalam tahun 1891, pusat pentadbiran ini dirancang untuk dipindahkan daripada Pekan ke kawasan Lipis. Rancangan ini dirangka untuk sementara sahaja tetapi rancangan yang dikatakan sementara itu telah memakan masa lebih daripada 64 tahun kerana pusat pentadbiran Pahang mula dipindahkan ke Kuantan pada tahun 1955.

5.1 Demografi Kepelbagaian Suku-Komuniti

Lantaran kewujudan pelbagai jalan perhubungan sungai itu, Pahang tidak pernah tertutup kepada pelbagai masyarakat luar sejak zaman berzaman. Di samping itu, dengan adanya tanah subur yang sesuai untuk bercucuk tanam serta perut bumi yang kaya dengan galian berharga, negeri ini sentiasa dikunjungi oleh pelbagai masyarakat dari dalam dan luar Alam Melayu. Daripada kewujudan-kewujudan inilah yang kemudiannya telah membawa kepada pemastautinan pelbagai masyarakat dari Alam Melayu. Di daerah Pekan misalnya, terdapat masyarakat Bugis dan orang-orang yang berasal dari Johor. Di daerah Temerloh, terdapat masyarakat Minangkabau dan Mandailing serta di daerah Raub pula terdapat masyarakat Rao atau disebut juga sebagai orang Rawa.

Antara masyarakat yang paling dominan di negeri ini ialah masyarakat Minangkabau dan Rao (Rawa). Masyarakat Minangkabau dikatakan berasal dari Sumatera, Indonesia dan datang secara beramai-ramai ke Pahang pada pertengahan abad ke-18. Ini ekoran daripada berlakunya Perang Padri di Sumatera Barat. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan Jelai dan di sepanjang Sungai Pahang sehingga ke kawasan Luit dengan menjalankan kegiatan pertanian sebagai mata pencarian. Masyarakat Rao pula dominan di Daerah Raub dan mereka banyak menjalankan kerja perlombongan. Malah, penyebutan ‘Raub’ bagi nama Daerah Raub itu sendiri dikatakan mendapat nama daripada perkataan ‘Rao’. Ekoran daripada itu, wujudnya keadaan budaya yang agak kompleks di negeri ini kerana masyarakatnya mempunyai budaya yang berbeza walaupun berasal dari rumpun yang sama. Di samping itu, telah berlaku asimilasi pelbagai budaya serantau di negeri ini. Hakikat ini terpancar dalam aspek-aspek kesenian warisan yang ada di negeri ini.

Walaupun terdiri daripada pelbagai masyarakat, namun mereka dikenali sebagai ‘orang Melayu’. Sebagaimana akan dijelaskan, penyebutan ‘orang Melayu’ itu adalah dalam erti kata mereka ini merupakan ‘rakyat raja Melayu’. Di samping itu, mereka beragama Islam dan menggunakan bahasa lingua-franca yang sama iaitu Bahasa Melayu kerana bahasa tersebut merupakan bahasa rasmi empayar Kerajaan Melayu tersebut.





6.0 Faktor Utama Untuk Menjadi ‘Orang Melayu’

‘Jati diri’ bermaksud ciri-ciri ‘asasi’ atau ‘sejati’. Apabila memperkatakan tentang sesuatu masyarakat, jati diri melibatkan unsur-unsur keagamaan, ketamadunan, ilmu pengetahuan, bahasa, nilai, norma, keutuhan keperibadian dan ketatasusilaan tingkah-laku dan keberadaban yang menjadi teras simbol keperibadian seseorang individu, masyarakat dan bangsa (Taylor, 1992: 27). Aspek-aspek ini membezakan sesebuah masyarakat itu dengan masyarakat-masyarakat lain. Pengertian ‘jati diri’ melampaui ‘identiti’ kerana ‘identiti’ hanyalah pengenalan keperibadian secara luaran.

Penjelasan tentang jati diri masyarakat yang menghasilkan aspek-aspek kesenian warisan adalah penting kerana ia akan menjelaskan unsur-unsur yang mencirikan aspek-aspek tersebut. Misalnya, dalam konteks kajian ini, sesuatu aspek kesenian warisan dapat dikenal pasti sebagai ‘kesenian warisan Melayu Pahang’ adalah kerana ianya telah dihasilkan oleh orang Melayu di Negeri Pahang. Sehubungan itu, penjelasan tentang unsur-unsur jati diri Melayu Pahang perlu diberikan.

Secara amnya, penjelasan mengenai jati diri Melayu telah mengundang persoalan yang agak kontroversi kerana timbul perdebatan tentang ‘siapakah sebenarnya orang Melayu’ itu. Kajian ini berusaha untuk menjelaskan persoalan tersebut kerana sekiranya tidak dijelaskan, akan timbul masalah untuk menentukan aspek-aspek kesenian yang dianggap sebagai kesenian warisan Melayu.

Berdasarkan kepada pelbagai sumber sejarah seperti Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah, Tuhfat al-Nafis, catatan Pires (Suma Oriental, 1512: 245-246) dan catatan Albuquerque, (1511/2010: 79-80) serta Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Undang-Undang Tubuh Negeri-Negeri, dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhannya, jati diri Melayu adalah terbina daripada lima unsur berikut iaitu merupakan rakyat raja Melayu, beragama Islam, berbahasa Melayu, mengamalkan adat Melayu dan mempunyai keazaman (will) untuk menjadi Melayu.

Kenyataan ini adalah selari dengan kenyataan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan itu mentakrifkan:

‘Melayu’ adalah seseorang yang beragama Islam, lazimnya berbahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu dan lahir sebelum Hari Merdeka, di Persekutuan atau di Singapura, atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan, atau pada hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau Singapura atau ia adalah keturunan seseorang yang tersebut.





Jelas menunjukkan bahawa sebahagian daripada lima unsur jati diri Melayu yang digariskan di atas perlembagaan secara rasmi dalam mentakrifkan ‘Melayu’ itu terkandung sama seperti yang ada dalam Artikel 160 (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Walaubagaimanapun, takrif ‘Melayu’ dalam Perlembagaan Persekutuan itu masih belum lengkap kerana perlembagaan tersebut hanya menyebut tiga unsur iaitu beragama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Perlembagaan itu tidak menyatakan unsur jati diri Melayu yang lain iaitu institusi Raja Melayu, rakyat jelata Raja Melayu dan simbol kemelayuan yang terdiri daripada warisan watan Alam Melayu.

Kajian ini telah mendapati bahawa daripada lima unsur tersebut, terdapat dua unsur paling fundamental (dasar) yang menjadi asas jati diri orang Melayu iaitu raja Melayu dan agama Islam. Sebagaimana akan dijelaskan, raja Melayu menjadi salah satu unsur asasi jati diri orang Melayu kerana dalam pengertian sebenar, ‘orang Melayu’ adalah bermaksud ‘rakyat raja Melayu.’ Menurut sumber-sumber sejarah, pada zaman awal iaitu sebelum runtuhnya Kerajaan Melaka-Johor pada tahun 1699, ‘orang Melayu’ hanyalah terdiri daripada kerabat raja Melayu Melaka. Golongan tersebut dikenali sebagai ‘orang Melayu’ kerana mereka berasal dari Kerajaan Melayu yang berkerajaan di Bukit Seguntang (Palembang-Jambi).

Setelah Kerajaan Melayu Tua itu diserang oleh tentera Jawa Majapahit, kerabat raja Melayu tersebut yang diketuai oleh Parameswara berpindah pula ke Bentan, kemudian ke Temasik (Singapura), selepas itu ke Muar dan akhirnya menuju kerajaan Melayu Melaka sekitar tahun 1400. Kerajaan Melayu Melaka kembali menjadi kuat dan membentuk semula empayar yang dikenali sebagai Empayar Kerajaan Melayu Melaka. Terdapat banyak negeri yang berada di bawah empayar ini termasuklah Pahang, Perak, Kelantan, Kedah, Patani, Negeri Sembilan dan Selangor. Kerajaan-kerajaan tersebut dinamakan ‘kerajaan Melayu’ kerana kerajaan ini berada di bawah Kerajaan Melayu yang berkerajaan di Melaka pada ketika itu. Di samping itu, raja-raja di negeri-negeri tersebut dikenali sebagai ‘raja Melayu’ kerana mereka mempunyai hubungan kerabat dengan Kerajaan Melayu Melaka.

Pada zaman tersebut, ‘orang Melayu’ hanyalah terbatas dalam kalangan kerabat raja dari Kerajaan Melayu Tua yang berasal dari Bukit Seguntang. Sebaliknya, golongan rakyat biasa tidak dikenali sebagai ‘orang Melayu’ tetapi dikenali berdasarkan nama negeri seseorang itu berasal misalnya seseorang yang berasal dari Negeri Pahang dikenali sebagai ‘orang Pahang’, seseorang yang berasal dari Negeri Terengganu dikenali ‘orang Terengganu’, seseorang yang berasal dari Melaka dikenali sebagai ‘orang Melaka’ dan demikianlah seterusnya.





Kemudian, pada tahun 1511, Kota Melaka telah diserang oleh Portugis. Ekoran daripada itu, kerabat raja Melayu telah berpindah ke Johor. Pada tahun 1699, pemerintahan dari kerabat Kerajaan Melayu Tua itu berakhir apabila Sultan Mahmud mangkat dijulang. Kemangkatan Sultan Mahmud itu meninggalkan kesan yang amat besar. Ia telah menyebabkan negeri-negeri yang sebelum ini berada di bawah Empayar Kerajaan Melayu Melaka membebaskan diri dan menjadi kerajaan yang berdaulat serta berkuasa sendiri sepenuhnya. Daripada peristiwa tersebutlah munculnya Kerajaan-Kerajaan Negeri Melayu yang ada pada hari ini.

Setelah kemangkatan Sultan Mahmud dan munculnya Kerajaan-Kerajaan Negeri Melayu itu, keterikatan jati diri Melayu yang hanya ada pada kerabat raja Melayu mula menjadi pudar. Ini kerana sejak daripada itu, raja-raja yang memerintah bukan lagi dari kalangan yang mempunyai hubungan darah zuriat secara langsung dengan keturunan raja Melayu, sebaliknya hanya mempunyai hubungan yang jauh dengan keturunan tersebut. Namun begitu, raja-raja Melayu tersebut masih dikenali sebagai 'raja Melayu'.

Ekoran daripada kepudaran hubungan darah zuriat raja-raja Melayu yang memerintah Negeri-Negeri Melayu dengan keturunan kerajaan Melayu dari Kerajaan Melayu Tua itu, ia telah menyebabkan rakyat biasa mula dikenali sebagai 'orang Melayu' kerana mereka ini adalah 'rakyat raja Melayu'.

Ertinya, untuk menjadi 'orang Melayu', seseorang itu perlulah menjadi rakyat raja Melayu. Hakikat ini dapat dibuktikan dengan catatan dalam Hikayat Hang Tuah yang menyatakan terdapat dua orang tokoh Jawa yang telah menjadi Melayu. Mereka ialah Raden Wira Nantaja dan Patih Kerma Wijaya. Kedua-dua tokoh ini adalah orang Jawa tulen kerana mereka keturunan ningrat. Raden Wira Nantaja adalah putera Ratu atau Raja Jawa di Daha, manakala Patih Kerma Wijaya adalah menteri Kerajaan Jawa di Lasem. Hikayat Hang Tuah mencatatkan bahawa Patih Kerma Wijaya telah merajuk hati kerana anak perempuannya yang bernama Ken Sumirat telah diambil oleh orang raja tanpa memaklumkan kepada beliau terlebih dahulu. Kemudian, beliau telah membuat keputusan untuk membawa diri ke Tanah Melayu dan menjadi hamba raja Melayu kerana 'raja di Tanah Melayu' itu terlalu adil dengan periksanya dan hartawannya dan murahnya dengan tegur sapanya akan segala dagang senteri' (Hikayat Hang Tuah edisi 1964: 50).

Demikian juga dengan kisah Raden Wira Nantaja. Beliau telah pergi ke Tanah Melayu kerana mahu mencari saudara beliau yang bernama Raden Galuh (Cendera Kirana) iaitu nama timangan Raden Puspa Ningrat yang dikatakan telah hilang. Keputusan tersebut dibuat setelah saudara beliau itu tidak ditemui walaupun beliau sudah mencarinya ke seluruh pulau dan hanya Tanah Melayu sahaja tempat yang beliau masih belum pergi. Peristiwa tersebut ada dicatatkan di dalam Hikayat Hang Tuah (edisi 1964: 53):





Ada pun kita sekalian ini mencari kakak Galuh ini sudahlah rata segenap pulau (tetapi) tiada juga bertemu. Ada pun sekarang ini kita hendak pergi ke Tanah Melayu pula kerana ku dengar Tanah Melayu itu ada seorang raja terlalu adil dan murahnya dan periksanya.

(Hikayat Hang Tuah, edisi 1964: 53)

Kisah yang agak dramatik ini membuktikan bahawa salah satu prasyarat paling utama bagi seseorang yang mahu menjadi Melayu ialah mereka harus menjadi rakyat Raja Melayu terlebih dahulu. Perlu ditekankan bahawa peristiwa Raden Wira Nantaja menjadi Melayu itu berlaku ketika zaman Raja Melayu masih belum beragama Islam. Ini dapat dilihat dengan serta merta kepada keterangan mengenai kedudukan pusat Kerajaan Melayu ketika itu iaitu di Bentan. Raja Melayu pertama yang memeluk Islam adalah raja Melaka ketiga iaitu Raja Kecil Besar (setelah memeluk Islam digelar Sultan Muhammad). Oleh itu, catatan ini menjelaskan bahawa di samping harus beragama Islam, prasyarat paling utama bagi seseorang yang mahu menjadi Melayu ialah mereka haruslah menjadi rakyat Raja Melayu terlebih dahulu. Selain itu, catatan ini juga sekaligus menjelaskan bahawa salah satu unsur inti-teras jati diri Melayu adalah institusi Raja Melayu.

Dengan perkataan lain, penyebutan ‘orang Melayu’ adalah bermaksud ‘orang yang menjadi rakyat raja Melayu’. Keadaannya sama seperti penyebutan ‘orang Brunei’ yang bermaksud ‘orang itu adalah rakyat raja Brunei’. Walaubagaimanapun, tidak semua orang yang menjadi rakyat raja Melayu itu dikenali sebagai ‘orang Melayu’. Menurut pelbagai sumber termasuklah Sejarah Melayu, Tuhfat al-Nafis dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia, seseorang yang dapat dikenali sebagai ‘orang Melayu’ hanyalah dalam kalangan rakyat raja Melayu yang beragama Islam.

Mengapa Islam menjadi penentu dalam pembentukan ‘orang Melayu’. Hal ini kerana agama Islam menjadi asas yang paling dasar dalam jati diri orang Melayu berdasarkan kepada lima faktor berikut iaitu pertama, agama Islam merupakan agama yang dianuti oleh Raja Melayu sejak zaman berzaman, kedua, agama Islam merupakan agama rasmi Kerajaan-Kerajaan Negeri Melayu, ketiga, agama Islam merupakan asas penggubalan undang-undang dalam Kerajaan-Kerajaan Negeri Melayu, keempat, raja-raja Melayu menganuti agama Islam secara serius dan kelima, apabila raja Melayu menganut agama Islam, maka dengan sendirinya rakyat mereka menganut agama Islam.

Berdasarkan kisah Raden Wira Nantaja (Jawa) menjadi ‘Melayu’ sepertimana yang telah diceritakan di atas, maka dapatlah dirumuskan bahawa sesiapa saja, tanpa mengira suku-etnik, bangsa atau tanah asal, mereka boleh dianggap sebagai ‘orang Melayu’ apabila memenuhi kelima-lima unsur berikut iaitu:





i) Menjadi rakyat raja Melayu

Hakikat Melayu diasaskan kepada ‘menjadi rakyat raja Melayu’ dapat dilihat dalam kes- Raden Wira Nantaja (Jawa) sepetimana yang baru dijelaskan di atas.

ii) Beragama Islam

Prasyarat ‘beragama Islam’ bagi membolehkan sesuatu pihak dapat menjadi ‘orang Melayu’.

iii) Berbahasa Melayu

Bagaimana ‘berbahasa Melayu’ menjadi prasyarat untuk ‘menjadi Melayu’ dapat dilihat kepada keberadaan Raden Wira Nantaja di Tanah Melayu serta menjadi rakyat Raja Melayu itu sendiri. Pastilah ketika mereka ‘menjadi Melayu’ itu, mereka bertutur dalam Bahasa Melayu. Ini merupakan hakikat yang tidak perlu dibuktikan akan kebenarannya kerana Bahasa Melayu merupakan salah satu keperluan asasi bagi mereka iaitu sebagai alat untuk membolehkan komunikasi. Kepentingan Bahasa Melayu dalam konteks ini adalah sinonim dengan kedudukan cara hidup (adat resam) Melayu sepetimana yang akan dijelaskan dalam bahagian di bawah ini.

iv) Mengamalkan Cara hidup orang Melayu

Bukti ‘mengamalkan cara hidup orang Melayu’ dan berbahasa Melayu merupakan salah satu unsur ‘orang Melayu’ yang dapat dilihat pada Raden Wira Nantaja (Jawa) yang mahu menjadi Melayu. Dalam Hikayat Hang Tuah (edisi Kassim Ahmad, 1964: 61) dicatatkan bahawa sebelum Raden Wira Nantaja dianugerahkan gelaran ‘Ratu Melayu’ oleh Raja Melayu, beliau harus memakai pakaian ‘cara Melayu’:

Maka Raden Wira Nantaja pun memakai cara Melayu. Setelah sudah maka titah baginda pada Bendahara dan Temenggong, “Adapun pada hari ini kita hendak memberi nama akan saudara kita ‘Ratu Melayu’.

Catatan ini memberi gambaran yang jelas mengenai kedudukan adat resam Melayu sebagai prasyarat untuk membolehkan seseorang itu menjadi Melayu. Adat resam Melayu ini disebut dengan istilah ‘cara Melayu’.





v) Mempunyai Keazaman (will) untuk menjadi Melayu

Bagaimana ‘mempunyai keazaman (atau will) untuk menjadi Melayu’ menjadi prasyarat untuk ‘orang Melayu’ dapat dilihat pada sikap dan semangat Hang Tuah serta keputusan Raden Wira Nantaja untuk datang ke Tanah Melayu dan menjadi rakyat Raja Melayu. Dalam Hikayat Hang Tuah telah dicatatkan bahawa semasa berada di Tanah Melayu, Raden Wira Nantaja mempunyai keinginan yang mendalam untuk ‘menjadi Melayu’. Untuk itu, beliau sendiri telah datang mengadap Raja Melayu.

Demikianlah lima unsur yang membina istilah ‘orang Melayu’. Sepertimana yang telah dinyatakan, daripada lima unsur ini, terdapat dua unsur yang paling utama dalam diri orang Melayu iaitu ‘menjadi rakyat raja Melayu’ dan ‘beragama Islam’. Kedua-dua unsur ini merupakan unsur-unsur sebatи dalam jati diri orang Melayu yang tidak boleh dipisahkan sehingga menyebabkan raja Melayu hanya menerima rakyat baginda yang beragama Islam sebagai rakyat raja Melayu. Hubungan sebatи rakyat raja Melayu dengan Islam itu adalah kerana raja Melayu amat serius menganut agama Islam.

Berasaskan kepada lima unsur tersebut, barulah kesenian di Pahang dianggap mempunyai ciri-ciri keislaman. Antaranya ialah penciptaan karya atau kesenian diasaskan kepada agama Islam yang merupakan salah satu faktor menjadi ‘orang Melayu’. Ciri-ciri tersebut merangkumi perkara yang mampu mendekatkan diri kepada Allah S.W.T melalui kesenian dapat dilihat dalam amalan membaca al-Quran dan berzikir. Dari segi penciptaan seni ukir dan seni bina misalnya, unsur-unsur yang dianggap bertentangan dengan syariat Islam tidak dibenarkan sama sekali untuk digunakan. Selain itu, melalui seni juga, amalan memuliakan bahan menjadi salah satu faktor dalam ciri-ciri keislaman apabila bahan-bahan yang digunakan untuk membuat rumah atau gendang misalnya, menggunakan bahan-bahan yang asalnya adalah biasa sahaja tetapi setelah digubah dan diolah, ia menjadi indah dan sekaligus aspek ini memenuhi ciri keislaman seterusnya iaitu ‘Allah S.W.T itu Maha Indah dan Dia sukakan keindahan’.





7.0 Islam di Pahang

Salah satu fakta penting mengenai Pahang ialah negeri ini mempunyai tempat di dalam wacana sejarah kedatangan Islam di Alam Melayu. Ini kerana di negeri ini telah dijumpai kesan-kesan kedatangan awal Islam ke rantau ini berdasarkan kepada penemuan batu nesan di Pulau Tambun, Pekan, Pahang.

Kedudukan Islam dalam budaya Melayu sudah begitu banyak diperkatakan oleh pelbagai pihak misalnya oleh Winstedt (1917), Zainal Kling (1988) dan Taib Osman (1989) dengan menyatakan bahawa sistem kepercayaan orang Melayu bermula dari amalan animisme, selepas itu menganut ajaran Hindu, diikuti dengan menganut ajaran Buddha dan akhirnya menganut agama Islam. Justeru itu, mereka memberi tanggapan seolah-olah teras budaya Melayu adalah berakar umbi dari Hindu dan Buddha. Mereka menyatakan bahawa penganutan Hindu-Buddha itu dapat dilihat pada pemakaian warna kuning dalam adat istiadat raja Melayu, upacara persandingan dan penyebutan dewa-dewa dalam perbomohan. Pemakaian warna kuning ini dianggap sebagai simbol kedaulatan dan ketua (pemimpin).

Walaubagaimanapun, setelah melakukan kajian terhadap aspek-aspek sejarah dan warisan Pahang secara menyeluruh, kajian ini mendapati bahawa kenyataan yang menyatakan sistem kepercayaan orang Melayu bermula dengan amalan animisme, selepas itu menganut Hindu, diikuti dengan menganut ajaran Buddha dan akhirnya menganut agama Islam sebenarnya hanya wujud dalam tulisan-tulisan pengkaji berkenaan semata-mata dan tidak wujud dalam realiti kehidupan sebenar masyarakat di negeri ini.

Ini disokong dengan kenyataan oleh Abdul Muhammin (responden) yang menyatakan bahawa adalah tidak logik dengan menyatakan bahawa nenek moyang terdahulu menganut agama Hindu kerana mana mungkin agama Hindu boleh sampai ke Pahang memandangkan lokasinya yang jauh dari Melaka (Melaka ketika itu tempat pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dan tempat penyebaran agama Hindu) selain tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan bahawa masyarakat watan negeri ini pernah menganut agama Hindu dan Buddha pada masa lalu. Contohnya, tidak pernah ditemui kuil Hindu atau Buddha milik masyarakat watan.

Kedua, menurut Muhamad Abdullah (responden), sekiranya nenek moyang masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu menganut agama Hindu-Buddha pada masa lalu, mengapa masyarakat Melayu sejak zaman berzaman sehingga ke hari ini masih beragama Islam. Jika diamati, hal ini tidak pernah berlaku dalam mana-mana sejarah di seluruh dunia yang mana sesebuah masyarakat menukar agama sepertimana yang telah dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji tersebut iaitu semudah itu sahaja





untuk menukar kepercayaan daripada fahaman animisme kepada Hindu, dari Hindu ke Buddha dan dari Buddha ke agama Islam kecuali berlakunya perang yang memaksa pertukaran agama sepertimana yang berlaku dalam kalangan masyarakat Jawa, masyarakat Sepanyol dan Serbia. Misalnya, penukaran kepercayaan daripada Hindu-Buddha kepada Islam dalam masyarakat Jawa adalah disebabkan oleh Perang Demak (abad ke-17). Dalam perang tersebut, Kerajaan Islam Demak telah mengalahkan kerajaan Buddha Majapahit. Ini menyebabkan masyarakat watan Jawa terpaksa menukar agama mereka. Keadaan seperti ini tidak berlaku di Negeri-Negeri Melayu.

Di samping itu, berdasarkan kepada permerhatian penulis juga, tidak pernah ada artifak atau sumber bertulis yang menunjukkan nenek moyang masyarakat watan menganut agama Hindu-Buddha. Sekiranya mereka pernah menganuti agama Hindu-Buddha, pastilah terdapat sedikit sebanyak kesan-kesannya yang dapat dikesan sepertimana yang berlaku di Tanah Jawa. Sebagai contoh masyarakat Jawa, nenek moyang mereka sememangnya pernah menganut agama Hindu-Buddha. Pada abad ke-17, masyarakat tersebut telah menganut agama Islam namun, kesan-kesan penganutan agama Hindu-Buddha masyarakat lampau masih dapat dikesan sehingga ke hari ini. Sebagai contoh, objek peninggalan yang masih ada dan kekal sehingga kini ialah Candi Borobudur, Candi Mendut serta Candi Prambanan dan sebagainya. Di samping itu, dalam masyarakat tersebut, terdapat satu amalan sinkretisme dan ia dinamakan sebagai Jawa Abangan iaitu mencampur-adukkan pelbagai unsur kepercayaan Hindu-Buddha, animisme serta Islam. Sebaliknya, keadaan keadaan begini tidak pernah berlaku dan tidak pernah wujud dalam kalangan orang Melayu di Tanah Melayu.

Berdasarkan kajian oleh penulis juga melalui pembacaan, institusi-institusi raja Melayu di Semenanjung Tanah Melayu seperti Perak, Pahang, Terengganu, Selangor, Kelantan dan Patani sebenarnya mempunyai pertalian dengan Kerajaan Melayu Melaka. Pertalian inilah yang menjadi penyebab utama mengapa wujudnya unsur-unsur pemakaian warna kuning dalam institusi raja Pahang.

Tidak dinafikan terdapat pengaruh kepercayaan dari India dalam Kerajaan Melayu Melaka kerana Kerajaan Melayu Tua di Palembang-Jambi adalah sebuah kerajaan Buddha (tetapi bukan Hindu). Pengaruh tersebut dibawa oleh Parameswara. Semasa di Melaka, pengasas Kerajaan Melayu Melaka itu sendiri menganut agama Islam. Walaubagaimanapun, menurut catatan Pires di dalam Suma Oriental, (1512: 245-246), golongan raja Melaka itu bukanlah penganut Buddha yang kuat, sebaliknya sangat longgar dan amat nipis hingga tidak membawa apa-apa kesan dalam kehidupan.

Malah, dalam catatan Sejarah Melayu, sebelum putera Sultan Mansur Shah Melaka datang dan menjadi raja di Pahang, sudah terdapat masyarakat watan di negeri tersebut. Sekiranya tidak wujud





masyarakat watan di Negeri Pahang pada zaman sebelum penubuhan institusi raja di negeri ini, sudah pasti kerajaan tersebut tidak dapat ditubuhkan sama sekali. Ini kerana sesebuah kerajaan dapat wujud apabila adanya rakyat jelata.

Dalam keadaan tersebut, amat sukar untuk membayangkan masyarakat watan Pahang menerima pengaruh dari istana. Ini kerana mereka berada di bawah pengaruh Kerajaan Melayu Melaka pada zaman pemerintahannya yang mana mereka sudah pun menganut agama Islam. Lantaran tidak berada di bawah Kerajaan Melayu Melaka pada zaman kerajaan tersebut, mereka dikatakan masih belum beragama Islam dan kedudukan yang jauh itulah yang menyebabkan pengaruh Buddha tidak berkembang dalam kalangan masyarakat watan Pahang.

Untuk memahami perkara ini, keterangan mengenai teras budaya Melayu amnya dan Pahang khususnya dapat dijelaskan dengan kenyataan yang telah dikemukakan oleh Za'ba (1961) yang menjelaskan bahawa:

The doctrine and ideas of the Hindu religion did not appear to take root among the Malays of the Peninsular. Our forefather here were not affected by Hinduism to such an extent as were the Javanese and the Balinese—a fact probably due to the mearge and floating nature of the population here in those early days. There are no Hindu remains of any importance to be found in Malaya. The only relics of the Hindu days that have found a permanent place among the Malays of Malaya are a few hundred words having to do with royalty, religion and learning; certain customs and ceremonies in connection with marriage, the names of certain Hindu gods and goddesses invoked in Malay charms; and lastly a large portion of the subject-matter in our old literature which, however, for the most part came to us indirectly through Jaw. We do have, through this channel reproductions of the Ramayana and the Mahabharata in the form of Hikayat Seri Rama and Hikayat Sang Samba and also a few other stories recounting the deed and exploits of various Hindu-Javanese gods and demi-gods. But that is about all. We have no Borobudur, no survivals of ideas and beliefs that are traceable to Hinduism.

(Za'ba, 1961: 105)

Sudah menjadi norma dalam kalangan pelbagai pihak, baik para pengkaji luar dan dalam negara maupun masyarakat Melayu sendiri amnya untuk menerima hakikat bahawa Islam merupakan unsur integral jati diri Melayu. Kedudukan ini bukan sahaja dapat menentukan kedudukan seseorang individu atau kumpulan etnik sebagai Melayu tetapi juga menjadi kayu ukur paling asas bagi orang Melayu untuk menjustifikasi hampir apa saja perkara dalam kehidupan sama ada tingkah-laku, percakapan, hasil kerja, karya, pemikiran, amalan, upacara, ritual, undang-undang, ekonomi, politik, sosial, budaya dan sebagainya. Walaupun dalam kalangan orang yang jahil dari segi keagamaan sekali pun, namun mereka masih meletakkan kesedaran mereka sebagai seorang yang beragama Islam dan menjadikan hukum-hakam agama Islam sebagai asas penentuan sama ada sesuatu itu





baik atau buruk. Contoh agak ekstrim mengenai senario ini dapat dilihat dalam diri para bomoh. Daripada kajian lapangan yang dilakukan oleh Mohamed Anwar Omar Din (1997: 184), beliau mendapati bahawa sebahagian besar daripada mereka tidak solat, tidak berpuasa dan melakukan pembacaan jampi serapah serta mantera dengan menyeru unsur-unsur psikik halus seperti hantu, jembalang, penunggu dan jin tanah serta jin bumi.

Namun, para pengamal perbomohan itu tidak boleh disamakan dengan golongan Jawa Abangan di Jawa Tengah kerana dari segi anutan agama, mereka masih berpegang kepada agama Islam. Di samping itu, mereka masih mengetahui batas-batas keagamaan kerana walaupun dari sudut Islam, perbuatan mereka itu boleh dianggap mengandungi unsur-unsur syirik tetapi mereka sendiri sentiasa mengaku bahawa mereka masih menyakini satu-satunya Tuhan bagi mereka iaitu Allah S.W.T.

Selain itu, Mohamed Anwar Omar Din juga menegaskan bahawa orang Melayu sangat berbeza dengan Jawa Abangan di Jawa Tengah kerana mereka tidak mengamalkan upacara yang bersifat sinkretistik iaitu mencampur-adukkan pelbagai unsur kepercayaan Hindu-Buddha, animisme serta Islam kerana dalam kalangan orang Jawa Abangan, ini merupakan amalan yang diabsahkan oleh masyarakat umum mereka.

Penganutan Islam dalam kalangan pemerintah Pahang telah membawa kepada implikasi yang amat besar ke atas jati diri Melayu dalam kalangan masyarakat watan Pahang. Pertama, pengislaman tersebut telah memantapkan lagi kedudukan Islam di Pahang. Sebagaimana yang berlaku di dalam Negeri-Negeri Melayu amnya, penganutan Islam dalam kalangan istana merupakan faktor paling utama menjadikan Islam itu sebagai agama rasmi di Negeri Pahang. Kedua, ekoran daripada pengislaman itu, sebagaimana juga yang berlaku di dalam Negeri-Negeri Melayu amnya, Islam telah menjadi salah satu unsur teras jati diri Melayu.

Selain itu, pada abad ke-17, Kerabat Kerajaan Pahang telah menjalinkan hubungan dengan kerajaan Aceh. Hal ini berlaku kerana Sultan Iskandar Muda iaitu raja Aceh yang sangat perkasa telah mengambil putera Sultan Ahmad Shah Pahang yang bernama Iskandar Thani sebagai menantu baginda. Kemudian, selepas Sultan Iskandar Muda itu mangkat, Iskandar Thani diangkat pula menjadi Raja Aceh.

Selanjutnya, Pahang juga telah mempunyai undang-undang bertulis jauh sebelum tibanya kuasa Eropah. Ini kerana Negeri Pahang pada ketika itu telah mempunyai Hukum Kanun Pahang yang ditulis ketika zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghaffur Muhaiyuddin Shah kira-kira pada tahun 1592. Berdasarkan catatan-catatan dan temubual inilah yang mendasari sememangnya masyarakat watan Pahang pada zaman dahulu tidak menganut agama Hindu Buddha tetapi sebaliknya mereka hanya menganut agama Islam selepas Islam mula bertapak di Pahang.





8.0 Kesenian Warisan Pahang

Walaupun Pahang merupakan sebuah entiti watan yang berakar umbi daripada peradaban tua dan penduduknya terdiri daripada pelbagai kumpulan masyarakat dari pelbagai tempat di Alam Melayu, namun aspek-aspek kesenian warisannya masih dikategorikan sebagai ‘kesenian warisan Melayu Pahang’. Di samping itu, aspek-aspek tersebut telahpun berkembang di dalam acuan budaya keislaman.

Dalam bidang seni bina rumah tradisional Pahang misalnya, bidang ini telah berkembang dalam persekitaran alam fizikal dan budayanya yang tersendiri. Ianya dikatakan lahir dan berkembang dalam masyarakat yang menjalani kehidupan agraria atau pertanian. Kemunculan awalnya adalah di tepi sungai dan di tempat-tempat yang mempunyai tanah yang sumur serta sesuai untuk bertani. Lantaran kedudukan inilah yang telah menjadi faktor berlakunya kepupusan seni bina Pahang kerana rumah-rumah lama telah dihanyutkan oleh air banjir. Hakikat seni bina Pahang berkembang dalam persekitaran alam fizikal dan budaya itu dapat juga dilihat pada bahan-bahan pembinaannya. Bahan-bahan ini adalah terdiri daripada bahan-bahan semulajadi yang terdapat di persekitaran rumah-rumah berkenaan. Kesemua seni bina Pahang adalah terdiri daripada rumah kayu dan pada mulanya, pembinaan rumah tersebut telah dipengaruhi oleh unsur-unsur animisme.

Bagi seni ukiran pula, yang dibuat hanyalah menggambarkan bentuk-bentuk bunga atau dedaunan sahaja kerana ajaran Islam melarang ukiran yang menggambarkan rupa Tuhan, Nabi, dewa-dewa, manusia ataupun makhluk hidup yang lain. Penggunaan imej-imej yang dilarang ini telah diganti dengan motif yang baru dan sesuai dengan ajaran agama. Dengan kewujudan motif baru ini, ianya dianggap berpotensi untuk diapresiasi mengikut ciri-ciri keislaman dan berjaya menolak jauh unsur sinkretisme dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu.

Untuk seni tesktil Pahang (fokus kepada tenunan dan batik Pahang) , unsur keislaman dapat dilihat dari segi corak dan motifnya. Berdasarkan kepada pemerhatian pengkaji, tiga unsur di dalam tenunan Melayu tradisional amnya boleh diapresiasikan dalam konteks kesenian bercirikan Islam. Ini sekaligus menepati konsep keislaman iaitu halal haram berasaskan fiqh yang mana corak dan motif ini diasaskan daripada unsur alam sekitar iaitu bunga atau dedaunan yang ada di persekitaran penciptanya. Unsur fauna turut digunakan dalam penciptaan motif dan corak namun ianya disampaikan dalam bentuk simbol sahaja.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kain tenunan tradisi masyarakat Melayu Pahang turut mengalami perkembangan ia tidak banyak berbeza dengan perkembangan tekstil lain yang ada di kawasan tamadun Islam awal. Walaupun wujud pengaruh dari kawasan luar, seni teknik ini bukan sahaja semata-mata meniru corak yang ada di dalam kain sarong dan kain patola amnya tetapi ia turut mengalami proses asimilasi dan adaptasi tempatan sehingga lahirnya variasi yang tersendiri.





Selain itu, untuk batik pula, keberadaan pembuatan batik di Pahang adalah berdasarkan kepada apa yang telah berlaku di seluruh Malaysia yang mana ianya dikatakan berasal daripada peniruan batik Indonesia. Dalam pada itu, terdapat juga pendapat yang menyatakan keberadaan batik di Pahang merupakan hasil daripada pengaruh yang datang dari pelbagai tempat di Indonesia termasuklah dari Makassar-Bugis.

Setelah diselidik dan diapresiasi ciri-ciri keislaman di dalam penghasilan batik, boleh dikatakan bahawa unsur-unsur ini telah muncul sejak sekian lama berdasarkan kepada tahap persediaan dan pertumbuhannya lagi. Tahap-tahap ini berkembang kerana dipengaruhi oleh pedagang-pedagang Islam yang datang berdagang ke Tanah Melayu sejak dahulu termasuklah di Negeri Pahang. Melalui ‘penciptaan semula’ atau adaptasi tempatan yang terangkum ini, secara tidak langsung ia telah mengikut hukum syarak yang telah ditetapkan iaitu bagi menutup aurat manusia.

Dengan adanya realiti sebegini, maka unsur-unsur kedewaan dan makhluk-makhluk bernyawa yang terdapat di dalam penghasilan batik terdahulu (sebelum kedatangan Islam) akhirnya dilupuskan sama sekali selepas kedatangan ajaran Islam. Hal ini turut dialami oleh batik di Pahang kerana unsur-unsur tersebut dikhawatir akan mensyirikkan Allah S.W.T. Kerana itulah pengusaha batik lebih gemar menggunakan corak dan motif yang berunsurkan flora serta geometrikal.

Untuk kajian terakhir dalam penulisan ini iaitu seni anyaman, ia dikatakan telah mengabsahkan bahawa anyaman di Pahang adalah kesenian warisan Pahang yang benar-benar berkembang dalam budaya masyarakatnya. Pengabsahan ini diasaskan kepada hakikat ianya telah wujud sejak zaman berzaman. Di samping itu, ianya turut dihasilkan dengan menggunakan bahan-bahan yang terdapat di sekeliling kehidupan masyarakat tempatan.

Lantaran itu, anyaman Pahang dikatakan tidak mempunyai unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam. Dengan itu, walaupun penghasilan ini telah dijalankan sejak zaman kedatangan Islam ke Alam Melayu lagi, namun anyaman Pahang mudah diterapkan dengan ciri-ciri Islam. Ciri-ciri keislaman pada anyaman Pahang dapat dilihat kepada konsep ‘memuliakan bahan-bahan alam’ iaitu usaha-usaha untuk mengubah bahan-bahan yang sebelumnya dalam keadaan kusam atau tidak dipedulikan menjadi karya seni yang mempunyai harga atau nilai yang tinggi.

Anyaman merupakan kesenian yang bersifat lahiriah yang mana ianya melibatkan penggunaan pancaindera penglihatan, pemikiran dan juga kesedaran secara seimbang yang kemudianya menjadi simbol dan telah memberi makna yang tersendiri di dalam sesebuah masyarakat.





9.0 Kesimpulan

Secara amalinya, Pahang merupakan antara negeri Melayu yang berkembang sebagai sebuah negeri yang masih memiliki dan mengekalkan sebahagian warisan Melayu walaupun usaha pemuliharaan terhadap aspek-aspek tersebut masih tidak sebaik yang diharapkan oleh masyarakat umum. Sebagai sebuah negeri Melayu tua, terdapat pelbagai jenis dan bentuk kesenian warisan Pahang. Antaranya ialah seni bina dan ukiran rumah tradisional Pahang, seni tekstil dan juga seni anyaman. Aspek-aspek tersebut mempunyai pengaruh daripada pelbagai kumpulan masyarakat dari Alam Melayu termasuklah orang Melayu Pahang, orang Rao (Rawa), orang Bugis dan juga orang Minangkabau. Kajian ini telah menggolongkan aspek-aspek tersebut sebagai ‘kesenian warisan Melayu Pahang’ kerana masyarakat tersebut telah diterima sebagai ‘orang Melayu’ sejak zaman berzaman berdasarkan kepada kedudukan mereka sebagai rakyat raja Melayu, beragama Islam, berbahasa Melayu, mengamalkan adat dan warisan dari Alam Melayu serta mempunyai keazaman mahu menjadi ‘Melayu’. Sehubungan itu, kesenian warisan Pahang dikatakan telah berkembang dalam acuan budaya keislaman.

Dalam latar belakang sejarah, budaya dan jati diri orang Melayu, kesenian warisan Pahang dikatakan telah mula berkembang. Kesenian warisan Pahang dalam kajian ini merujuk kepada aspek-aspek budaya dalam bentuk ‘material’ dan ‘non-material’ yang mempunyai nilai estetika atau keindahan yang berkembang dalam masyarakat watan Negeri Pahang sejak zaman berzaman. Aspek-aspek tersebut dikatakan telah berakar umbi daripada zaman lampau tetapi telah mula berkembang di dalam acuan budaya keislaman sejak lewat abad ke-15.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa ‘kesenian warisan Melayu Pahang’ dianggap boleh memenuhi ciri-ciri keislaman sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini. Walaupun masih timbul keraguan kerana ada pertembungan unsur sinkretis di dalam keseniannya, namun unsur ini telah berjaya dihapuskan sedikit demi sedikit selepas masyarakat mula memahami dan mematuhi ajaran Islam. Namun, ada juga pengaruh animisme yang masih dikekalkan kerana ianya dianggap tidak bertentangan dengan Islam.

Rujukan

Azizi Yahaya. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Brink, P.J. & M.J. (1994). *Basic Steps in Planning Research: From Question to Proposal*, 4th Edition. Boston: Jones and Barlett.





- Buyong Adil. (1972). *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Charles Taylor. (1992). *The Ethics of Authenticity*. London: Harvard University Press.
- Gopimath, A. (1991). *Pahang 1880-1933: A Political History*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Hikayat Melayu Atau Sulalat'us-Salatin (disalin pada tahun 1855). Diselenggara oleh Yusoff Hashim. (1981). *Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia*, GRAHA IKSEP.
- Kassim Ahmad. (1975). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- K.H. Ahmad Warson Munawwir. (1984). *Kamus Al-Munawwir Arab-Indonesia Terlengkap*. Surabaya: Penerbit Pustaka Progressif.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohamed Anwar Omar Din. (1988). *Unsur-Unsur Kesenian Islam Dalam Kraftangan Melayu Tradisional: Satu Kajian di Kelantan*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Mokhtar Shafii. (1980). *Batu Nesan Kurun ke 5H./10M*. Di Pekan, Pahang. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nagarakretagama. Diselenggarakan oleh Slametmulyana. (1979). Jakarta: Bhratara Karya Aksara.
- Nasr, Seyyed Hossein. (1994). *A Young Muslim's Guide to the Modern World*. Petaling Jaya: Mekar Publishers.
- Norman K. Denzin. (2001). *Interpretive Interactionism*. London: Sage Publication.
- Pires, Tome. (1944). *The Suma Oriental Vol. II*. London: Hakluyt Society.
- Sidi Gazalba. (1977). *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Yusuf al-Qaradhawi. (2015). *Fatwa Kontemporari Jilid 1, Siri 4 (Hubungan Kemasyarakatan)*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Za'ba. (1965). 'Ilmu mĕngarang Mĕlayu'. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Senarai Responden

1. Muhamad bin Abdullah (panggilan mesra Encik Ahmad), 56 tahun, Kerja Sendiri.
2. Abdul Muhammin bin Hasbollah, 45 tahun, Pemilik Inakraf Wood Carving.

